

# Kuda acara lasak pada KL2017 jalani pemeriksaan ketat

**PENUNGGANG** acara kuda lasak bukan hanya perlu memikirkan kesihatan diri sendiri dan kemenangan tetapi juga kesihatan kuda yang perlu melepasi syarat pegawai veterinar sebelum mula dan meneruskan perlumbaan pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Ketua Veterinar (Rawatan) acara kuda lasak KL2017, Dr. Noraniza Mohd. Azahan memberi peringatan tersebut kerana beliau bukan sahaja bertanggungjawab ke atas kuda Malaysia tetapi juga dari negara-negara lain.

Beliau yang merupakan pensyarah Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia berkata, kuda-kuda tersebut harus diperiksa oleh veterinar sehari sebelum perlumbaan untuk menentukan kuda-kuda ini mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

"Kesemua kuda tersebut kami akan semak passport terlebih dahulu, sama atau tidak dengan pengenalan diri pada dokumen... semak semua parameter sama ada tempang ataupun tidak, metabolik badan semua sempurna barulah kuda tersebut dibenarkan masuk perlumbaan," katanya.

Noraniza berkata, bermula



**NORANIZA** (tengah) memasukkan air ke dalam tubuh kuda yang mengalami masalah kekurangan air di hospital ekuin Terengganu International Endurance Park, Setiu semalam.

sahaja perlumbaan, setiap *loop* wajib dibuat pemeriksaan yang sama ke atas kuda bagi memastikan kesihatan dan kecerdasannya masih tinggi.

"Kebiasaannya masalah utama kuda apabila gagal menghabiskan perlumbaan kerana masalah metabolik iaitu dalaman kuda dan ketempangan. Faktor cuaca negara kita yang panas dan lembap mampu menjadi antara cabaran utama dalam kejohanan kuda la-

sak ini," katanya.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa acara kuda lasak bukan semata-mata untuk menunjukkan kuda siapa yang hebat atau pantas tetapi ia turut melibatkan kesihatan kuda tersebut.

Sehingga kini, seramai 10 pegawai veterinar telah ditugaskan bagi memastikan kebajikan kuda-kuda perlumbaan ini terjaga sehingga ke hari perlawanan pada 20 Ogos ini. - Bernama